

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1&3
RUANGAN : NEGARA

Kerajaan tak cadang hapuskan bayaran di fasiliti KKM

Caj rawatan pesakit luar kekal RM1

Sidang Dewan Negara
 Oleh RASDAN AHMAD

KEMENTERIAN KESIHATAN
 MALAYSIA

RM1.00

RESIT BAYARAN
 PERKHIDMATAN PERUBATAN
 KESIHATAN DAN PERGIGIAN

PESAKIT luar am hanya dikenakan caj bayaran RM1.

Tan Sri Ibrahim Abu Shah yang ingin tahu sama ada KKM bercadang untuk menghapuskan caj bayaran RM1 yang dikenakan kepada pesakit luar yang mendapatkan rawatan di hospital-hospital atau klinik kerajaan.

Boon Chye memberitahu, pesakit warga asing juga dikenakan caj yang lebih rendah berbanding mendapat rawatan di pusat perubatan swasta.

Sebagai contoh, katanya, pesakit warga asing yang hendak menjalani siasatan X-ray di fasiliti KKM perlu membayar RM80 iaitu caj pendaftaran RM40 termasuk caj perundangan dan ubat serta caj rawatan X-ray RM40.

"Jika menjalani siasatan X-ray di fasiliti swasta, mereka dikenakan



KLINIK Kesihatan menjadi tumpuan ramai apabila menawarkan perkhidmatan perubatan berkualiti pada harga yang rendah. - Gambar hiasan

kan RM45, tidak termasuk lagi caj perundangan," ujarnya.

Beliau berkata, pihaknya akan pastikan kebajikan golongan isi rumah berpendapatan B40 terus dibela dan mendapat rawatan yang berkualiti, namun kerajaan juga ada kekangan dari segi bajet.

"Dianggarkan perkhidmatan yang dibekalkan oleh kementerian menawarkan sekurang-kurangnya 95 peratus subsidi daripada kerajaan," katanya.

Pada Ogos lalu, terdapat pihak yang mendakwa kononnya caj bayaran RM1 tidak lagi digunakan di hospital kerajaan berikutan cadangan pelaksanaan skim insu-

rans kesihatan sosial yang bakal dilaksana tahun depan.

Bagaimanapun, KKM dalam satu kenyataan menafikan dakwaan yang tular di media sosial itu kerana skim yang dijangka diumumkan dalam Belanjawan 2019 tersebut tidak akan memansuhkan caj bayaran RM1 kepada pesakit luar di hospital atau klinik kerajaan.

Ketika pembentangan Belanjawan 2019 lalu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng mengumumkan kerajaan melalui usaha sama syarikat insurans swasta akan memperkenalkan Dana Perlindungan Kesihatan Nasional untuk

INFO Caj pesakit luar am di fasiliti KKM

WARGANEGARA

- Hospital besar - RM1
- Hospital daerah - RM1
- Klinik 1Malaysia atau klinik kesihatan - RM1

WARGA ASING

1. Hospital
 - Pesakit luar am - RM40
 - Jabatan Kecemasan - RM100

2. Klinik Kesihatan

- Pesakit luar am - RM40
- Klinik 1Malaysia - RM40

Sumber: Portal rasmi Kementerian Kesihatan

golongan isu rumah berpendapatan B40.

Katanya, skim yang akan bermula pada 1 Januari 2019 itu bakal menyediakan perlindungan percuma membabitkan empat jenis penyakit kritikal utama sehingga RM3,000 dan maksimum 14 hari pendapatan gantian semasa rawatan hospital pada kadar RM50 sehari atau bersamaan RM700 setahun.

KUALA LUMPUR - Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan caj bayaran RM1 yang dikenakan kepada pesakit luar warganegara Malaysia yang mendapat rawatan di semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye (gambar kecil) berkata, caj yang terkandung dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 itu adalah sangat rendah dan ia tidak pernah dikemas kini sejak 1982.

"Caj itu merangkumi bayaran pendaftaran, perundangan, ubat dan siasatan (X-ray dan ujian makmal).

"Kos sebenarnya adalah jauh lebih besar jika dibandingkan dengan caj yang dikutip sekarang iaitu RM1," katanya ketika sesi soal jawab lisan pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator

